

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : SEMPENA PENYERAHAN PERALATAN KLINIK PAYUDARA  
Lokasi : HOSPITAL KUALA LUMPUR  
Tarikh : 15-07-1995

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada PUSPANITA kerana menjemput saya ke Majlis Penyerahan Peralatan Klinik Payudara pada hari ini.
2. Penyerahan alat ini kepada Klinik Payudara, Hospital Kuala Lumpur adalah sesuai sekali memandangkan bahawa insiden kanser payudara di Malaysia adalah tinggi iaitu di antara 2,400 hingga ke 2,500 kes setahun. Justeru itu, saya mengucapkan syabas kepada PUSPANITA di atas sikap keprihatinannya mengadakan projek PUSPADARA ini untuk membantu menangani masalah ini.
3. Saya diberitahu bahawa sumbangan Tabung Projek PUSPADARA telah digunakan untuk memperlengkapkan lagi Klinik Payudara di Hospital Kuala Lumpur dengan alatan-alatan yang diperlukan. Klinik Payudara Hospital Kuala Lumpur merupakan pusat rujukan yang terunggul di Malaysia. Saya berharap dengan adanya alatan-alatan ini prestasi perkhidmatan di klinik ini akan dapat dipertingkatkan.
4. Kebanyakan wanita yang mengidap penyakit ini datang dalam peringkat yang lewat. Ini mungkin kerana lewat mendapatkan rawatan doktor ataupun lewat dikenalpasti kerana kekurangan kemudahan. Saya amat berharap dengan adanya kelengkapan kelengkapan yang diperlukan di klinik ini, masalah ini dapat di atasi, dan dengan itu lebih banyak nyawa dapat diselamatkan.
5. Saya difahamkan bahawa PUSPANITA juga berhasrat untuk membantu melengkapi klinik-klinik payudara di hospital-hospital lain tetapi ini banyak bergantung pada Tabung Projek PUSPADARA. Oleh itu, saya merayu kepada para dermawan untuk memberi sumbangan bagi membantu menjayakan hasrat yang murni ini. Selain daripada sumbangan derma, PUSPANITA juga akan mengadakan aktiviti untuk memperkukuhkan kedudukan tabung ini.
6. Saya berasa bangga bahawa PUSPANITA sedang berusaha bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk membantu menyebarkan maklumat dan pengetahuan mengenai pemeriksaan sendiri payudara dengan mengeluarkan risalah-risalah untuk ahli-ahli dan masyarakat umum. Penerbitan 'video clip' dan 'Jingle' akan dapat menimbulkan kesedaran serta menyampaikan maklumat mengenai pengesanan awal kanser payudara. Kegigihan yang dipamerkan oleh PUSPANITA menunjukkan kesungguhan mereka untuk menjadikan Projek PUSPADARA sebagai satu legasi PUSPANITA untuk semua wanita di negara ini.
7. Saya amat berharap usaha yang ditunjukkan oleh PUSPANITA ini akan diteladani oleh agensi-agensi bukan Kerajaan yang lain. Sebagai masyarakat yang penyayang dan prihatin, kita harus menunjukkan semangat yang selaras dengan ciri-ciri ini. Setiap pelancaran tabung ihsan sentiasa akan mendapat sambutan yang menggalakkan. Semangat ingin membantu, ingin meringankan penderitaan sesama manusia di kalangan masyarakat kita amat ketara. Sebagai menyahut seruan Kerajaan bagi mewujudkan satu masyarakat yang bukan sahaja sihat daripada segi fizikal, tetapi juga sihat emosi dan mentalnya, marilah sama-sama kita mencegah penyakit yang merbahaya ini.
8. Kepada kaum wanita amnya, yang berumur lebih 40 tahun khususnya, saya merayu supaya memeriksa payudara sendiri secara tertentu dan jangan segan atau malu berhubung dengan doktor untuk pemeriksaan lanjutan. Sememangnya payudara bukan sebahagian badan kita yang kita ingin atau suka dedahkan kepada seseorang doktor pun. Tetapi perasaan malu atau segan, dalam keadaan di mana pengesanan negatif atau positif amat penting sekali ditetapkan, tidak akan mendatangkan satu kebaikan kepada kita malahan memburukkan lagi perasaan sangsi dan mungkin juga mendatangkan mudarat kepada kesihatan wanita itu sendiri. Jangan sesal kemudian kerana kecuaiannya sendiri. Dalam keadaan sekarang di mana alat-alat canggih didapati di Hospital Kuala Lumpur ini dan mungkin juga hospital-hospital lain, tidak ada sebab kita kaum wanita mencuaikan diri untuk menggunakan alatalat canggih ini dengan sepenuhnya.

9. Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada PUSPANITA atas inisiatifnya untuk menyumbangkan peralatan bagi Klinik Payudara, Hospital Kuala Lumpur ini.